

# UMS adakan Hari Bersama Komuniti 'Kita Turun Kampung'

UB 11.4.2019 B2

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Psikologi dan Pendidikan UMS menganjurkan program Hari Bersama Komuniti bertemakan 'Kita Turun Kampung' pada 23 hingga 24 Mac lepas.

Program itu bertujuan menggalakkan mahasiswa Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) dan juga warga fakulti untuk bersama-sama turun padang dalam melaksanakan dan menjayakan program ini serta melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti menarik yang dilaksanakan.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah salah sebuah universiti yang sering kali menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan pelajar-pelajar dan juga pihak luar.

Aktiviti kemasyarakatan adalah tanggungjawab sosial yang dijalankan bersama untuk meningkatkan kesedaran kalangan pelajar sesebuah universiti dalam menguruskan kesemua pentadbiran organisasi.

Aktiviti kemasyarakatan juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan pihak universiti mencapai piawai yang telah disasarkan.

Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan adalah seperti senaman aerobik, pertandingan mewarna kanak-kanak yang dibahagikan kepada dua



## PENYAMPAIAN sumbangan kepada penduduk kampung.

kategori iaitu; kategori rendah dan kategori tinggi, aktiviti permainan yang melibatkan komuniti kampung iaitu; pancing botol, musical chair, baling kelapa dan cipta sayap (tema ratu cantik dan robot masa depan) serta aktiviti gotong-royong di sekitar balai raya dan kampung.

Hari Bersama Komuniti diadakan untuk memastikan FPP sentiasa mempunyai kesedaran dalam menjalankan khidmat masyarakat supaya menjadi lebih prihatin dan peka terhadap keadaan sekeliling.

Selain membantu dalam melaksanakan misi universiti sebagai sebuah universiti yang melakukan aktiviti kemasyarakatan, program

ini juga mampu melahirkan kesedaran kepada warga fakulti agar lebih peka.

Dengan kerjasama semua ahli persatuan, aktiviti-aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti aktiviti gotong-royong di sekitar balai raya dan kampung.

Hebahan ditularkan seminggu sebelum program bermula dan semasa program, sebuah bas UMS mengambil dan menghantar peserta-peserta dari Kolej Kediaman Kampung Excellent, Kolej Kediaman Tun Fuad dan Kolej Kediaman Tun Mustapha untuk melancarkan lagi aktiviti ini.

Dalam aktiviti ini, komuniti kampung dibahagikan kepada

dua kumpulan dan kumpulan yang banyak memenangi setiap permainan telah diberi hadiah, dan turut mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Selain itu, baju tema untuk Hari Bersama Komuniti adalah berwarna biru. Lebih menarik lagi, Penolong Pegawai Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah Tuaran Amrah Rashid turut hadir dan merasmikan Hari Bersama Komuniti.

Program Hari Bersama Komuniti adalah salah satu program terbaik yang wajar diberikan pujian kerana bukan mudah untuk jawatankuasa program bekerjasama dalam membuat persiapan untuk menjayakan program ini.

Kejayaan ini membuktikan bahawa mahasiswa sekalian mempunyai satu ikatan ukhuwah yang sangat utuh dan kebijaksanaan serta pengalaman yang diperoleh semasa persiapan ini berlangsung sedikit sebanyak memberikan satu ilmu baru dan bermanfaat untuk digunakan pada masa akan datang.

Walaupun program ini hanya berlangsung selama dua hari, namun mampu mendedahkan warga fakulti mengenai kepentingan menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan merealisasikan misi pelajar dan universiti sebagai sebuah universiti yang telus dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan.